

27 MAY 1998

Yong-Yayasan Sabah

YONG TURUT LETAK JAWATAN SEBAGAI Pengerusi YAYASAN SABAH

KOTA KINABALU, 27 Mei (Bernama) -- Datuk Yong Teck Lee yang akan melepaskan jawatannya sebagai Ketua Menteri Sabah berkuatkuasa esok, turut meletakkan jawatannya sebagai Pengerusi Yayasan Sabah.

Surat perletakkan jawatan itu yang berkuatkuasa esok telah diserahkan kepada setiausaha korporat yayasan itu hari ini melalui Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Khalil Datu Jamalul, katanya.

Yong berkata perletakkan jawatan beliau sebagai Pengerusi Yayasan Sabah adalah bagi membolehkan pejabat Yang Dipertua Negeri menamakan pengerusi baru yayasan berkenaan.

"Sebelum pindaan Enakmen Yayasan Sabah dibuat dua tahun lalu, Ketua Menteri secara automatik menjadi Pengerusi Yayasan Sabah," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet negeri Sabah di sini, hari ini.

Mesyuarat hari ini adalah yang terakhir dipengerusikan oleh Yong sebagai Ketua Menteri Sabah kerana beliau akan melepaskan jawatan itu kepada Tan Sri Bernard Dompok yang akan mengangkat sumpah jawatan esok.

Pagi tadi Yong turut menghantar surat perletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri Sabah yang ke-10 kepada Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai di Istana Negeri.

Yong berkata: "Apabila Enakmen Yayasan Sabah itu dipinda, maka pengerusi itu dilantik oleh Yang Dipertua Negeri atas nasihat Kabinet. Soal siapa yang akan menggantikan saya, terpulanglah kepada Ketua Menteri baru (Tan Sri Bernard Dompok) dan Kabinetnya untuk membuat keputusan," kata beliau.

Mengenai pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur semalam, Yong berkata: "Kami telah berbincang mengenai apa yang perlu dilakukan oleh Ketua Menteri yang akan melepaskan jawatannya. Tetapi jika selepas ini (peranan saya) itu ada kaitan dengan kerajaan negeri, ia terpulang kepada Ketua Menteri baru untuk membuat keputusan."

Ketika ditanya sama ada beliau telah mengadakan perbincangan dengan Dompok mengenai peranannya selepas ini, Yong berkata: "Kesemua anggota Kabinet (yang sedia ada) bersedia untuk berkhidmat."

Dalam satu kenyataan akhbar yang diedarkan kepada pemberita selepas mesyuarat itu, beliau turut mengucapkan terima kasih dan menyatakan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama sepanjang dua tahun beliau menjadi Ketua Menteri yang membolehkan beliau menjalankan tugas dengan lancar dan berkesan.

"Penggagal dua tahun itu hanya lanjutan khidmat awam saya yang bermula pada 1985 apabila saya mula berkhidmat sebagai Pembantu Menteri," katanya.

Yong berkata semasa memegang jawatan itu beliau memberi tumpuan kepada beberapa bidang utama seperti yang dijanjikan pada hari pertama beliau mengambil alih jawatan itu.

Antaranya termasuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, menerapkan budaya politik baru di Sabah dan mengambil langkah-langkah tegas mengurangkan kemiskinan.

Keutamaan lain ialah menumpukan perhatian yang lebih bagi pembangunan pendidikan, memperbaiki keseluruhan jentera pentadbiran dan memperbaharui usaha untuk memperbaiki keselamatan dan ketenteraman di negeri itu.

Hampir 24 agensi persekutuan dan negeri terlibat dalam pelaksanaan rancangan dan program membasmi kemiskinan dengan peruntukkan RM2.11 bilion

bagi tujuan itu di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7), katanya.

Apa yang akan berlaku selepas Dompok mengangkat sumpah jawatan ialah hanya pertukaran dalam pucuk pimpinan dan saya mempunyai keyakinan penuh terhadap kepimpinan Tan Sri Bernard Dompok, memandangkan beliau memahami penuh konsep kerajaan BN serta semua pelan utama dan program kerajaan negeri."

Yong menyeru rakyat Sabah supaya memberi sokongan mereka kepada Ketua Menteri yang baru itu untuk memastikan Sabah terus maju di bawah BN.

-- BERNAMA

JS PR